

PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA: PERKEMBANGAN DAN
PERUBAHAN KURIKULUM ILMU PENDIDIKAN DI MAKTAB
PERGURUAN, TAHUN 1957 HINGGA 1986

WAN HARUN BIN W. YAACOB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2008

PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA: PERKEMBANGAN DAN
PERUBAHAN KURIKULUM ILMU PENDIDIKAN DI MAKTAB
PERGURUAN, TAHUN 1957 HINGGA 1986

oleh

WAN HARUN BIN W. YAACOB

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Pendidikan

Mac 2008

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T.

Selawat dan salam buat Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, syukur saya kehadiran Illahi kerana dengan keizinanNya saya telah berjaya menyelesaikan kajian ini. Saya amat berterima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang banyak membantu dalam proses menyiapkan kajian ini.

Pertama, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas buat penyelia saya Dr. Abdul Ghani Kanesan bin Abdullah yang terlalu banyak memberi bantuan, nasihat, galakan dan bimbingan yang berkesan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau terutamanya berkenaan kaedah penulisan ilmiah yang sistematik amat besar maknanya kepada saya dalam memantapkan penulisan kajian. Sesungguhnya, jasa beliau tidak ternilai dan tidak dilupakan.

Dirakamkan juga penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, kakitangan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, kakitangan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, kakitangan Arkib Negara Malaysia,

kakitangan Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur dan kakitangan Pusat Sumber Daerah Besut, Besut, Terengganu. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada guru-guru dan bekas-bekas guru diatas kerjasama dalam sesi temuramah yang diadakan. Begitu juga kepada rakan-rakan yang memberi idea dan khidmat nasihat dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya juga amat terhutang budi kepada ahli-ahli keluarga saya, terutama isteri tersayang Haminih Warimin @ Mariati binti Warimin dan tujuh orang anak-anak saya iaitu Hafiz, Affendi, Hisyam, Hilmi, Amir, Iswan dan Izzati. Sesungguhnya mereka semua banyak memberi sokongan dan galakan kepada saya dan banyak berkorban sepanjang pengajian saya sehingga saya berjaya menyempurnakan kajian ini.

KANDUNGAN

PERKARA	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB SATU: PENGENALAN	
1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Latar Belakang Kursus Ilmu Pendidikan di Maktab Perguruan Menengah	6
1.3. Rasional Kajian	11
1.4. Pernyataan Masalah	14
1.5. Objektif Kajian	17
1.6. Persoalan Kajian	18
1.7. Fokus Kajian	20
1.8. Batasan Kajian	23
1.9. Definisi Istilah	24
1.9.1. Latihan Perguruan	24
1.9.2. Guru	25
1.9.3. Guru Pelatih	25

1.9.4. Maktab Perguruan	26
1.9.5. Pendidikan	26
1.9.6. Kurikulum	27
1.9.7. Falsafah Pendidikan	28
1.9.8. Psikologi Pendidikan	29
1.9.9. Sosiologi Pendidikan	30
1.9.10. Pengajaran	30
1.9.11. Pembelajaran	31
1.9.12. Sistem Penggal	31
1.9.13. Sistem Semester	32
1.9.14. Sekolah Pelajaran Lanjutan	32
1.9.15. Sekolah Anika Jurusan	33
1.10. Kesimpulan	34

BAB DUA: TINJAUAN PENYELIDIKAN BERKAITAN

2.1. Pengenalan	35
2.2. Kepentingan Kursus Ilmu Pendidikan Dalam Pendidikan Guru	46
2.3. Isi Kandungan Kursus Ilmu Pendidikan	48
2.4. Guru Sebagai Pelaksana Pengajaran Dan Pembelajaran	51
2.5. Kesimpulan	53

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan	54
3.2. Rasional Memilih Kajian Sejarah	54
3.3. Rekabentuk Kajian	57
3.4. Analisis Dokumen	59
3.5. Kaedah Persampelan	61
3.6. Temubual	62
3.7. Prosedur Analisis Data	63
3.8. Kesimpulan	63

BAB EMPAT: PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN PENDIDIKAN GURU

4.1. Pengenalan	65
4.2. Latar belakang Pendidikan Guru Sekolah Menengah Sebelum Merdeka	65
4.3. Laporan Razak (1956) dan Pendidikan Guru	69
4.4. Skim Rancangan Pendidikan Guru Sekolah Menengah	77
4.4.1. Rancangan <i>General Purposes Colleges</i>	78
4.4.1.1. Sebab-sebab diperkenalkan <i>General Purposes Colleges</i>	79
4.4.1.2. Struktur Pendidikan Guru <i>General Purposes Colleges</i>	81
4.4.1.3. Kurikulum Pendidikan Guru <i>General</i>	

	<i>Purposes Colleges</i>	82
4.5.	Pendidikan Guru Era Laporan Abdul Rahman Talib (1960)	86
4.5.1.	Rancangan Latihan Perguruan Berpadu	89
4.5.1.1.	Sebab-sebab diperkenalkan Latihan Perguruan Berpadu	90
4.5.1.2.	Pusat Latihan Daerah (RTC) dan Sebab-sebab diperkenalkan	95
4.5.1.3.	Struktur Pendidikan Guru Latihan Perguruan Berpadu	97
4.5.1.4.	Kurikulum Pendidikan Guru Latihan Perguruan Berpadu	99
4.6.	Pendidikan Guru Berkualiti	100
4.6.1.	Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu	100
4.6.1.1.	Sebab-sebab diperkenalkan Latihan Perguruan Bersepadu	101
4.6.1.2.	Struktur Pendidikan Guru Latihan Perguruan Bersepadu	106
4.6.1.3.	Kurikulum Pendidikan Guru Latihan Perguruan Bersepadu	108
4.7.	Laporan Kabinet (1979) dan Perkembangan Pendidikan Guru	109
4.7.1.	Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	110

4.7.1.1.	Sebab-sebab diperkenalkan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	110
4.7.1.2.	Struktur Pendidikan Guru Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	112
4.7.1.3.	Kurikulum Pendidikan Guru Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	115
4.8.	Kesimpulan	116

**BAB LIMA: PERKEMBANGAN KURIKULUM ILMU PENDIDIKAN
DALAM PENDIDIKAN GURU DI MAKTAB
PERGURUAN TAHUN 1957 HINGGA 1986**

5.1.	Pengenalan	118
5.2.	Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Rancangan <i>General Purposes Colleges</i>	118
5.2.1.	Sebab-sebab Diperkenalkan Kurikulum Ilmu Pendidikan dalam Rancangan <i>General Purposes Colleges</i>	119
5.2.2.	Kandungan Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Rancangan <i>General Purposes Colleges</i>	120
5.2.3.	Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Ilmu Pendidikan Rancangan <i>General Purposes Colleges</i>	122
5.2.4.	Peruntukan Waktu Kursus Ilmu Pendidikan Rancangan <i>General Purposes Colleges</i>	123

5.3.	Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Rancangan Latihan	
	Perguruan Berpadu	124
5.3.1.	Sebab-sebab diperkenalkan Kursus Ilmu Pendidikan	
	Dalam Rancangan Latihan Perguruan Berpadu	124
5.3.2.	Kandungan Kurikulum Ilmu Pendidikan	
	Rancangan Latihan Perguruan Berpadu	127
5.3.2.1.	Unit Guru	127
5.3.2.2.	Unit Pelajar	128
5.3.2.3.	Unit Mengajar	129
5.3.2.4.	Unit Maklum Balas dan Penilaian	130
5.3.2.5.	Unit Latar Belakang	131
5.4.	Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus	
	Ilmu Pendidikan Rancangan Latihan Perguruan Berpadu	133
5.5.	Perutukan Waktu Kursus Ilmu Pendidikan Rancangan	
	Latihan Perguruan Berpadu	134
5.6.	Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Rancangan	
	Latihan Perguruan Bersepadu	135
5.6.1.	Sebab-sebab diperkenalkan Kursus Ilmu Pendidikan	
	Dalam Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu	135
5.6.2.	Kandungan Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam	
	Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu	137
5.6.2.1.	Asas Falsafah	137
5.6.2.2.	Asas Psikologi	138

5.6.2.3.	Asas Sosiologi	140
5.6.2.4.	Latihan Pendidikan	140
5.6.3.	Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Ilmu Pendidikan Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu	141
5.6.4.	Peruntukan Waktu Kursus Ilmu Pendidikan Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu	142
5.7.	Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	142
5.7.1.	Sebab-sebab diperkenalkan Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	143
5.7.2.	Kandungan Kurikulum Ilmu Pendidikan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	144
5.7.2.1.	Falsafah Pendidikan	145
5.7.2.2.	Sosiologi Pendidikan	147
5.7.2.3.	Psikologi Pendidikan	149
5.7.2.4.	Pedagogi	152
5.7.3.	Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	155
5.7.4.	Peruntukan Waktu Kursus Ilmu Pendidikan Dalam Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	156
5.8.	Kesimpulan	157

BAB ENAM: RUMUSAN

Perbincangan dan Kesimpulan	158
BIBLIOGRAFI	170
LAMPIRAN	182
Lampiran A Senarai Nama Maktab Perguruan dan Tahun di Tubuhkan	182
Lampiran B Latihan Perguruan Guru Sekolah Menengah, 1956 - 1967: Bilangan Guru Pelatih, Staf dan Pusat Latihan	184
Lampiran C <i>Basic two years course at secondary Training colleges, Malaysia Year 1964</i>	185
Lampiran D Kemasukan Pelajar Ke Tingkatan Satu Tahun 1956 - 1967: Aliran Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil	188
Lampiran E Bilangan Guru yang Mengajar di Sekolah Menengah Selepas di Perkenalkan Sistem Pelajaran Anika Jurusan Tahun 1965	189
Lampiran F <i>The Principle of Education Practice</i>	190
Lampiran G Kurikulum Ilmu Pendidikan Dalam Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu	193
Lampiran H Sukatan Pelajaran Ilmu Pendidikan Latihan Perguruan Asas Tiga Tahun	200

Surat Memohon Kebenaran Membuat Rujukan

- Unit Kurikulum, Bahagian Latihan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya 224
- Perpustakaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 225
- Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia 226
- Perpustakaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim 227
- Perpustakaan, Maktab Perguruan Kota Bharu 228
- Perpustakaan, Universiti Putra Malaysia, Serdang 229
- Perpustakaan, Bahagian Pendidikan Guru, KPM, Putra Jaya 230
- Perpustakaan, Institut Perguruan Sultan Mizan, Besut, Terengganu 231

Surat Kebenaran Temu Bual 232

Soalan Temu Bual 233

- A 235
- B 238
- C 246
- D 250
- E 256
- F 261
- G 264
- H 268

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		MUKA SURAT
4.1	Pendaftaran guru pelatih di maktab perguruan menengah tahun 1957 hingga 1964.	77
4.2	Bilangan sekolah, guru dan murid sekolah menengah bantuan kerajaan tahun 1955 dan 1960.	78
4.3	Program pendidikan guru sekolah menengah dan bilangan guru tahun 1961.	89
4.4	Maktab perguruan dan mata pelajaran yang di tawarkan.	94
4.5	Struktur rancangan latihan perguruan bersepadu.	107
4.6	Bilangan minggu dan komponen latihan dalam Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun.	113
4.7	Struktur Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun	114

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH

MUKA SURAT

3.1 Rangka Kerja Kajian

58

SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
CCTV	Closed Circuit Television
<i>DTC</i>	<i>Day Training College</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
<i>EPRD</i>	<i>Educational Program Research and Development</i>
<i>GPC</i>	<i>General Purpose Colleges</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia/ Kementerian Pendidikan Malaysia
KPATT	Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun
LPBP	Latihan Perguruan Berpadu
LPBS	Latihan Perguruan Bersepadu
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MSSEE	<i>Malayan Secondary Schools Entrance Examination</i>
MOE	<i>Ministry of Education</i>
NNS	Negeri-Negeri Selat
RTC	<i>Regional Training Centre</i>
TED	<i>Teacher Education Division</i>
UMNO	<i>United of Malay National Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	MUKA SURAT
Halaman Judul	i
Halaman Penghargaan	ii
Halaman Kandungan	iv
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Singkatan	xv
Senarai Lampiran	xvi
Abstrak	xvii
<i>Abstract</i>	xix

PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA: PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN KURIKULUM ILMU PENDIDIKAN DI MAKTAB PERGURUAN, TAHUN 1957 HINGGA 1986

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perubahan program pendidikan guru, khususnya perubahan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sejak tahun 1957 hingga tahun 1986. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk (i) mengkaji bagaimana pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru maktab perguruan menengah di Malaysia diperkenalkan, (ii) meneliti perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sekolah menengah dan (iii) mengkaji pelaksanaan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sepanjang tempoh kajian sebagaimana cadangan Bahagian Pendidikan Guru. Kajian ini adalah merupakan satu kajian sejarah dimana data-data diperolehi daripada dokumen dan laporan-laporan rasmi kerajaan seperti Laporan Barnes (1951), Laporan Fern-Wu (1951), Laporan Razak (1956), Laporan Abdul Rahman Talib (1960) dan Laporan Kabinet (1979). Selain daripada itu sumber data juga diperolehi daripada hasil temu bual dengan beberapa orang individu yang terlibat secara langsung dengan program pendidikan guru yang dikaji. Data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi dikumpul dan dianalisa secara objektif dan kritikal, mengklasifikasi data, membanding dan menjalinkan data-data yang berbagai jenis serta mencari hubungan antara data-data tersebut untuk membentuk satu gambaran baru tentang pendidikan guru dan perkembangan

Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sekolah menengah. Hasil kajian mendapati berlaku perkembangan pesat dalam pendidikan guru sekolah menengah bermula tahun 1964. Perkembangan ini dilihat daripada aspek perubahan program pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru, penambahan jumlah peruntukan waktu kursus Ilmu Pendidikan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di maktab perguruan menengah. Kajian ini memperlihatkan kepentingan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka program pendidikan guru khasnya kurikulum Ilmu Pendidikan, agar lebih relevan dengan perkembangan semasa, agar pendidikan guru di Malaysia dapat melahirkan guru-guru yang berilmu dan cekap dalam mengajar bidang masing-masing. Seterusnya kajian lanjutan turut dicadangkan untuk masa depan.

TEACHER EDUCATION IN MALAYSIA: THE DEVELOPMENT AND REVISIONS IN THE TEACHER EDUCATION CURRICULUM AT TEACHER TRAINING COLLEGES FROM 1957 TO 1986

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the teacher education programme particularly the changes done on the Professional Education Curriculum for teacher education from 1957 to 1986. As such, the objectives of this research is to (i) discover how teacher education and the Professional Education Curriculum adopted by the secondary teacher training colleges in Malaysia were introduced, (ii) to study the development of teacher education and the various revisions undertaken in the Professional Education Curriculum for teacher education at the secondary level and (iii) to study the implementation of the Professional Education Curriculum for teacher education throughout the said period as proposed by the Teacher Education Division of the Ministry of Education. This is a historical-type research whereby all the data has been obtained from official government documents and records such as the Barnes Report (1951), Fenn-Wu Report (1951), Razak Report (1956), Abdul Rahman Talib Report (1960) and Cabinet Report (1979). In addition, other sources of data were obtained from the results of interviews with several prominent individuals who are directly involved in teacher education programmes. The information and data collected were then compiled and analysed objectively and critically. The various data was also classified, compared and synthesized. The relationship between the data was determined and noted in order to form a new picture about teacher education and

the revisions carried out on the Professional Education Curriculum for secondary teacher education. The findings of this research suggest that there was indeed an extensive development in secondary teacher education since 1964. This development was seen from the aspect of changes and designs in teacher education programmes and Professional Education Curriculum for teacher education; the increase in time allocation for courses on Professional Education and the implementation of teaching and learning activities at secondary teacher training colleges. This research proves the importance of the education curriculum in teacher education. It is hoped that the results of this research can assist the Ministry of Education in designing or upgrading the teacher education curriculum which is in tandem with current developments in the country and the world, so that teacher education in Malaysia will produce teachers who are knowledgeable and competent in their chosen field. Finally, further research is envisioned and suggested for the future.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Istilah pendidikan guru mula digunakan secara rasmi pada tahun 1981 bagi menggantikan istilah latihan perguruan yang telah digunakan sebelumnya. Perubahan ini adalah berikutan penukaran nama Bahagian Latihan Guru (BLG) kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Seiringan dengan itu, berlaku pula perubahan dalam program pendidikan guru di peringkat maktab perguruan dengan tempoh berkursus telah dilanjutkan daripada dua tahun kepada tiga tahun (Laporan Jawatan Kuasa Kabinet, 1979: 61).

Pendidikan guru merupakan salah satu bahagian yang terpenting dalam sistem pendidikan. Kejayaan pelaksanaan kurikulum dalam pendidikan adalah bergantung sejauh mana seseorang guru dapat membentuk muridnya menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat dan negara. Hal ini adalah kerana kemahiran profesional seseorang guru terletak pada keupayaannya menggunakan ilmu pengetahuan dan dengan itu membentuk sikap dan nilai yang betul (*Workshop Reports, 1970: 7*).

Peranan guru menjadi semakin mencabar berikutan perkembangan bidang pendidikan yang begitu pesat sekali. Pendidikan guru di Malaysia adalah satu tindakan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendedahkan kaedah dan teknik pengajaran secara formal kepada setiap bakal

guru, sama ada di maktab-maktab perguruan atau di pusat-pusat pengajian tinggi awam bagi menyesuaikan bakal guru dengan tugas apabila berada dalam bilik darjah nanti.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun telah berusaha untuk membentuk perkembangan sistem pendidikannya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian Dasar Pelajaran Kebangsaan (1956) telah dibentuk bertujuan memberi arah tuju kepada perkembangan masyarakat negara ini agar hasrat yang dicitacitakan itu tercapai. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan Persekutuan telah mula melaksanakan program pendidikan kepada masyarakat secara bersungguh-sungguh. Langkah pertama telah diambil pada tahun 1957 ialah dengan menukarkan sekolah rendah yang sedia ada kepada sekolah kebangsaan. Tindakan ini telah menyebabkan guru menjalani latihan perguruan yang sama (EPRD,1968: 20).

Perubahan dan perkembangan kurikulum pendidikan guru di Malaysia berlaku ekoran usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Justeru, tumpuan kepada pendidikan guru secara besar-besaran bermula pada tahun 1956 dan pada tahun 1957 Maktab Perguruan Harian (DTC) dan Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang serta Maktab Perguruan Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan.

Secara kronologinya, sejarah pendidikan guru sekolah menengah bermula sejak penubuhan Jawatankuasa Barnes dan Fenn-Wu pada tahun 1951, Penyata Razak tahun 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Penyata Abdul Rahman Talib tahun 1960, Akta Pelajaran 1961, Jawatankuasa Kabinet 1974, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 sehingga Jawatankuasa Pendidikan 1981. Seterusnya pada tahun 1987 Akta Pelajaran 1961 telah diadakan semakan semula bertujuan mengkaji semula Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam Akta Pelajaran 1961 tersebut (Esah Sulaiman, 2003: 146).

Bagi melaksanakan dasar pendidikan, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah melatih tenaga pengajar untuk mengajar di peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas. Pada tahun 1960, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan Bahagian Latihan Guru untuk menyelaraskan program-program di peringkat maktab. Penubuhannya merupakan usaha kerajaan memberi kepentingan kepada pendidikan guru. Pembinaan beberapa buah maktab perguruan membuktikan bahawa betapa pentingnya usaha untuk melahirkan guru-guru yang bertauliah. Hal ini adalah kerana pendidikan guru merupakan satu aspek yang amat penting dalam menentukan kejayaan polisi kerajaan. Francis Wong Hoy Kee dan Paul Chang Ming Phang (1975) menegaskan;

“Teacher education is perhaps the most important aspect of educational policy in Malaysia because teachers are responsible for translating educational goals into reality.”

(m.s. v).

Sehingga tahun 1963, pendidikan guru bagi guru-guru sekolah menengah telah diadakan di lima buah maktab perguruan iaitu Maktab Perguruan Kirkby di England (1952), Maktab Perguruan Kota Bharu (1954), Maktab Perguruan Briensford Lodge di England (1956), Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (1957) dan Maktab Perguruan Persekutuan Kuala Lumpur (1963). Namun begitu, dengan pembangunan negara yang begitu pesat maka bagi memenuhi tuntutan masyarakat terhadap keperluan pendidikan, sehingga tahun 1986 terdapat sebanyak 29 buah maktab perguruan telah berjaya ditubuhkan oleh kerajaan. Untuk keterangan lanjut sila lihat LAMPIRAN A. Daripada jumlah tersebut terdapat maktab perguruan yang melatih guru-guru untuk mengajar di sekolah rendah dan ada maktab yang hanya melatih guru untuk mengajar di sekolah menengah. Namun begitu, terdapat juga maktab yang melatih guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah.

Sesuatu sistem pelajaran tidak boleh menjadi statik dalam sesuatu masa tetapi ianya mesti berubah dan berkembang dengan peredaran zaman (Abdul Rahman Ya'kub, 1970: V). Berikutan itu, sehingga tempoh kajian terdapat sebanyak empat program pendidikan guru sekolah menengah yang terancang pernah diperkenalkan oleh kerajaan. Rancangan pendidikan guru sekolah menengah yang pertama selepas merdeka ialah berbentuk *General Purposes Colleges*, kedua ialah Rancangan Latihan Perguruan Berpadu, ketiga ialah Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu dan keempat Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun yang diperkenalkan berikutan Laporan Jawatankuasa Kabinet tahun

1979 (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1980: 61). Ekoran daripada rentetan ini, berlaku pula perubahan program pendidikan guru dimana kurikulum pendidikannya juga turut berubah. Menurut Cheong Siew Young, (1983):

“The teacher is the key to any curriculum change and the preparation of teachers should become a priority need as part of the development of environmental education.”

(m.s. 16)

Pada akhir tahun 1950-an, kurikulum pendidikan guru di maktab-maktab perguruan mula diperbaharui. Selepas mencapai kemerdekaan terutama selepas pembentukan Malaysia, kurikulum pendidikan guru sentiasa mengalami proses perubahan selaras dengan keperluan dan ideologi semasa. Perubahan ini berlaku kerana perubahan dalam kurikulum di sekolah, perubahan dalam kaedah dan teknik mengajar, perubahan dalam keperluan perkhidmatan guru serta perubahan peranan guru dalam kontek pendidikan dan juga perubahan sosio-politik. Selaras dengan itu, kurikulum Ilmu Pendidikan juga mengalami proses perubahan yang sama bagi menjamin mutu pendidikan guru sejajar dengan kurikulum yang disediakan. Hal ini telah ditegaskan oleh Francis Wong Hoy Kee (1977):

“... the curriculum in teacher education determines the quality of teachers, who, in the final analysis, have the responsibility for implementating the curriculum for schools at the grass roots level.”

(m.s. 80)

Secara umumnya, kurikulum pendidikan guru terbahagi kepada empat bahagian iaitu komponen Ilmu Pendidikan, komponen subjek asas dan pilihan,

komponen ko-kurikulum dan praktikum atau latihan mengajar. Salah satu tumpuan dalam kurikulum pendidikan guru praperkhidmatan di maktab-maktab perguruan adalah pembinaan pengetahuan, kemahiran asas pengajaran-pembelajaran, nilai dan sikap ikhtisas keguruan yang selaras dengan keperluan pendidikan negara serta perkembangan profesion guru. Pembinaan dan penyuburan aspek-aspek ikhtisas ini dilaksanakan melalui kursus teras khasnya kursus Ilmu Pendidikan. Berikutan itu, sebagai prasyarat untuk lulus dan dianugerahkan dengan Sijil Perguruan, semua pelatih diwajibkan mengikuti dan lulus dalam kursus Ilmu Pendidikan seperti yang telah ditetapkan.

1.2. Latar Belakang Kursus Ilmu Pendidikan Di Maktab Perguruan Menengah

Kursus Ilmu Pendidikan adalah kursus teras dan wajib diambil oleh semua guru pelatih sama ada di peringkat maktab perguruan mahupun di peringkat universiti. Kursus ini adalah bertujuan mendedahkan pengetahuan dan kemahiran asas berkenaan pengajaran dan pembelajaran serta sikap dan nilai-nilai positif guru bagi membolehkan guru-guru pelatih menjadi guru yang berkesan dan berketerampilan.

Mata pelajaran yang menjadi sukatan kursus Ilmu Pendidikan berubah sejajar dengan polisi kerajaan. Sukatan pelajaran kursus Ilmu Pendidikan adalah dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia dan dilaksanakan di semua maktab perguruan di seluruh Malaysia. Perubahan sosiopolitik negara yang wujud menjelang kemerdekaan pada tahun 1957 telah

membawa kepada terlaksananya Dasar Pelajaran Kebangsaan. Berikutan itu, program pendidikan guru telah diperbaharui bagi memenuhi perubahan matlamat pendidikan dan kehendak negara. Pendidikan guru untuk guru-guru sekolah menengah mula diadakan secara '*general purpose colleges*' dan polisi ketika itu ialah menjadikan semua subjek yang diajar di sekolah menengah sebagai mata pelajaran asas sepanjang latihan (MOEM., 1970 :116).

Kurikulum di dua maktab perguruan di England iaitu Maktab Perguruan Kirkby dan Maktab Perguruan Brinsford Lodge adalah berdasarkan kepada keperluan yang dikehendaki oleh *Institute of Education* di *Liverpool* dan *Institute of Education* di *Birmingham* (Francis Wong Hoy Kee, 1977: 92). Sukatan pelajaran Maktab Perguruan Persekutuan Kirkby dan Maktab Perguruan Persekutuan Brinsford Lodge diambil dan disesuaikan daripada sukatan pelajaran tradisional maktab latihan di England. Kursus Ilmu Pendidikan yang dilaksanakan ialah *General Principles of Education, Educational Psychology* dan *Philosophy of Education* (Chang Min Kee, 1982 : 72). Manakala di maktab perguruan yang lain, kurikulum pendidikan terdiri daripada dua komponen iaitu komponen Ilmu Pendidikan dan komponen wajib. Komponen Ilmu Pendidikan terdiri daripada kumpulan Psikologi manakala komponen wajib terdiri daripada subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Fizikal dan salah satu mata pelajaran yang akan diajar di sekolah (Francis Wong Hoy Kee, 1977: 92).

Sejak diperkenalkan program pendidikan guru praperkhidmatan sekolah menengah, kursus Ilmu Pendidikan telah mengalami beberapa pengubahsuaian.

Tindakan ini adalah bertujuan memenuhi keperluan pendidikan negara serta perkembangan dalam profesion perguruan. Sehingga tahun 1964 komponen kursus Ilmu Pendidikan adalah berasaskan kepada empat mata pelajaran tradisional iaitu:

1. *Study of Human Behavior.*
2. *Principles of Education.*
3. *Major Development in the History of Education.*
4. *History of Education in Malaysia*

(Jumaat Muhamad Nor, 1970: 26).

Mutu pendidikan guru banyak bergantung kepada kurikulum yang disediakan. Oleh yang demikian, guru pelatih telah disediakan dengan segala pengetahuan dan pengalaman bagi membolehkan mereka menjadi guru yang mahir dalam pengajaran dan pembelajaran. Kursus perguruan asas adalah program pendidikan guru yang bertujuan memberi pengetahuan dan kecekapan bagi membolehkan mereka menjadi guru yang berkesan. Sehubungan dengan itu, institusi pendidikan guru berusaha melahirkan guru-guru yang berkualiti atau berkebolehan agar dapat melaksanakan tugas mendidik dengan berkesan.

Pada tahun 1963 satu jawatankuasa dibentuk bagi membuat penilaian dan memperbaharui sukatan pelajaran di maktab-maktab perguruan menengah. Untuk memastikan penyusunan semula sukatan pelajaran di maktab-maktab perguruan, sebanyak empat persidangan telah diadakan antara tahun 1963 hingga tahun 1964. Dalam perjumpaan terakhir, cadangan sukatan pelajaran Ilmu Pendidikan untuk maktab perguruan rendah dan menengah telah berjaya

disiapkan. Cadangan tersebut telah diterima dengan sedikit pengubahsuaian. Menerusi *Education Syllabus: Teaching and Evaluation, A Report of the Seminar yang diadakan di Malayan Teachers College, Penang* kemudiannya telah diterbitkan sebagai *Report of Education Syllabus for Secondary Training Colleges, Ministry of Education, 1965*. Ia dikenali dengan nama Rancangan Latihan Perguruan Berpadu. Mata pelajaran kursus Ilmu Pendidikan dikenali sebagai 'Integrated Syllabus' yang terdiri daripada;

1. *The Teacher.*
2. *The Pupil.*
3. *Teaching.*
4. *Feedback.*
5. *The Setting.*

(MOEM,1965:16)

Berikutan itu, semua maktab perguruan persekutuan telah disusun sebagai maktab am dimana dasarnya, selain daripada kursus Ilmu Pendidikan, semua mata pelajaran dalam kurikulum sekolah menengah adalah sebagai mata pelajaran pilihan semasa latihan.

Pada tahun 1973, Bahagian Latihan Guru memperkenalkan *Integrated Teacher Training Program*' atau Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu. Ia bertujuan mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan guru praperkhidmatan. Di samping itu kursus tersebut juga dapat mengatasi kekurangan kepakaran dalam kursus Ilmu Pendidikan seperti Falsafah Pendidikan, Psikologi Pendidikan dan juga Sosiologi Pendidikan. Pada tahun pertama semua pelatih mengikuti latihan yang sama iaitu Pendidikan Kanak-Kanak Pertengahan dengan sukatan pelajarannya adalah untuk pendidikan prasekolah. Manakala Pengajian Awal

Remaja mengandungi sukatan pelajaran untuk tingkatan dua dan tiga. Berikutan pelaksanaan Latihan Perguruan Bersepadu, tidak ada lagi perbezaan antara Pusat Latihan Harian dengan Maktab Perguruan Persekutuan. Semua maktab perguruan menawarkan kursus Asas Ilmu Pendidikan seperti Asas Falsafah, Asas Psikologi, Asas Sosiologi dan Latihan Pendidikan (KPM, 1971). Program Latihan Perguruan Bersepadu menghasilkan dua kumpulan guru. Kumpulan A adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar antara darjah satu hingga tingkatan satu. Manakala Kumpulan B pula melahirkan guru-guru yang akan mengajar darjah empat hingga tingkatan tiga.

Berikutan Laporan Jawatankuasa Kabinet tahun 1979, program Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun telah diperkenalkan pada tahun 1981. Program ini bertujuan meningkatkan mutu pendidikan guru.

“... the three years training program has been introduced with the primary objective of improving the quality of teacher education in this country.”

(Cabinet Committee Report on the Implementation of National Education Policy, 1979: 146).

Dalam program Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun, komponen kursus Ilmu Pendidikan terdiri daripada (BPG, 1981):

1. Falsafah Pendidikan.
2. Sosiologi Pendidikan.
3. Psikologi Pendidikan.
4. Pedagogi.

Kurikulum Ilmu Pendidikan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun dilaksanakan sehingga tahun 1986 apabila ia telah digantikan dengan Kursus Perguruan Asas Lima Semester.

Justeru, kurikulum Ilmu Pendidikan ialah mata pelajaran teras yang terpenting dalam kurikulum pendidikan guru serta kursus wajib yang perlu dipelajari oleh semua guru pelatih. Walaupun jumlah mata pelajaran dalam kursus Ilmu Pendidikan kerap berubah, namun kandungan isi pelajaran serta objektif kursus Ilmu Pendidikan adalah hampir sama.

1.3. Rasional Kajian

“Untuk memahami hari ini kita perlu mengetahui masa lampau dan untuk merancang masa hadapan kita perlu melihat pada hari ini” (Mohd Khir Johari, 1967: V). Bagaimanapun sehingga sekarang ini belum ada kajian secara ilmiah tentang pendidikan guru dan perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan yang menyeluruh atau lengkap. Satu pendekatan mengkaji perkembangan Ilmu Pendidikan ialah melihat sejarah perubahan kurikulum Ilmu Pendidikan kerana sejarah perubahan kurikulum menggambarkan perubahan unsur-unsur kebudayaan dan peradaban yang meresap dan bergolak dalam teras kurikulum persekolahan (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1980: 145).

Ilmu Pendidikan merupakan perkara penting dalam kurikulum pendidikan guru. Kualiti kursus Ilmu Pendidikan dalam kurikulum pendidikan guru akan

menentukan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara terperinci tentang pendidikan guru dan perkembangan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan di maktab-maktab perguruan menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga tahun 1986. Bagi mengenali kurikulum tersebut dengan lebih tepat, kajian ini juga akan melihat peranan yang dimainkan oleh Bahagian Pendidikan Guru yang merupakan agen yang bertanggungjawab menggubal kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru. Di samping itu, kajian ini membincangkan pendidikan guru dan perubahan serta perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru akibat perubahan dalam dasar-dasar pendidikan negara. Lebih khusus lagi, fokus kajian ini ialah terhadap perkembangan kursus Ilmu Pendidikan dalam kurikulum pendidikan guru.

Sejak mencapai kemerdekaan, banyak perkembangan telah berlaku di Malaysia sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Perkembangan-perkembangan ini dengan nyata telah membawa kepada perubahan-perubahan dalam dasar pendidikan yang turut mempunyai implikasi terhadap pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru. Justeru, kajian ini akan meninjau sebab-sebab yang membawa kepada perubahan dasar pendidikan guru di Malaysia, seperti pelaksanaan pendidikan guru *General Purposes Colleges (1951-1964)*, Latihan Perguruan Berpadu (1964-1973), Latihan Perguruan Bersepadu (1973-1981) dan pendidikan guru ekoran pelaksanaan Laporan Kabinet (1979) iaitu Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun

(1981-1986). Apakah peristiwa dan perkembangan penting sehingga Kementerian Pendidikan terpaksa menyusun semula program pendidikan guru agar selaras dengan tuntutan semasa akan disentuh dalam kajian.

Menurut Lamat (1985), keberkesanan sesuatu kurikulum pendidikan guru bergantung kepada tiga faktor. Pertama ialah penggubal kurikulum itu sendiri, kedua ialah pelaksanaan yang dilakukan oleh tenaga pengajar dan ketiga ialah penerimaan oleh guru pelatih. Berikutan itu kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru perlu dikaji agar segala kelemahan akan dapat diatasi. Dengan itu kursus Ilmu Pendidikan yang ditawarkan di maktab-maktab perguruan menengah lebih berguna dan bermakna atau relevan dengan keperluan-keperluan semasa dapat diperkenalkan.

Kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru menjadi penentu kepada kejayaan melahirkan guru-guru yang berketerampilan. Di samping itu, ia juga menentukan samada program pendidikan guru selaras dengan apa yang tersirat dalam objektif pendidikan guru di Malaysia. Dengan itu, kajian ini cuba melihat bagaimana pengajaran kursus Ilmu Pendidikan sepatutnya dilaksanakan di maktab-maktab perguruan.

Di samping itu, kajian ini juga melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam jangka masa kajian dan hubungannya kepada perkembangan kursus Ilmu Pendidikan dalam program pendidikan guru sekolah menengah. Dengan ini,

hasil penyelidikan dapat meletakkan kedudukan profesion perguruan sesuai dengan perkembangan pesat dibidang lain.

Perkembangan pendidikan berubah seiring dengan perkembangan perguruan. Namun sehingga kini kebanyakan penulisan berbentuk ilmiah dalam bidang perguruan agak berkurangan. Kesan daripada keadaan yang sedemikian, penulisan yang berbentuk ilmiah yang mengkaji perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru secara lebih khusus adalah terlalu kurang. Oleh sebab itu, penulis berminat untuk mengkaji pendidikan guru dan perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru dengan lebih mendalam dan terperinci.

Akhir sekali, kajian ini bukan sahaja menambahkan lagi koleksi dokumentasi tentang pendidikan guru dan perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru di negara ini, malah menjadi garis panduan yang berasas, lagi rasional tentang perubahan-perubahan yang patut dibuat terhadap kursus tersebut yang merupakan kursus asas dalam kurikulum pendidikan guru. Penulis merasakan kajian ini perlu dilakukan supaya ia menjadi suatu landasan yang berguna kepada guru-guru, pensyarah dan penggubal kurikulum di Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.4. Pernyataan Masalah

Kajian ini menumpukan perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sekolah menengah

di Malaysia bermula tahun 1957 sehingga tahun 1986. Dalam konteks pendidikan guru, kurikulum Ilmu Pendidikan digubal oleh jawatan kuasa dilantik oleh Bahagian Pendidikan Guru yang pakar dalam bidang tersebut. Seterusnya akan dinilai melalui proses penilaian kurikulum dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan guru. Profesion perguruan memerlukan semua ahlinya dilatih dan dididik dengan kurikulum Ilmu Pendidikan yang mantap dan berkualiti. Berikutan itu, kajian ini menghuraikan latarbelakang perkembangan secara kronologi sejarah awal pendidikan guru dan kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru untuk guru-guru sekolah menengah di Malaysia.

Latar belakang permasalahan kajian akan menyentuh tentang pendidikan guru dan perubahan mata-mata pelajaran yang terkandung dalam kursus Ilmu Pendidikan sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan guru sepanjang tempoh tahun 1957 hingga tahun 1986. Kursus Ilmu Pendidikan ialah mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua guru pelatih. Hal ini adalah kerana kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru menyediakan peluang bagi guru memperoleh ilmu tentang pelbagai teori pengajaran dan amali yang membolehkannya menjadi guru yang professional (KPM, 1984).

Dalam usaha kerajaan menyediakan pendidikan yang bermutu, antara halangan yang sukar diatasi ialah kualiti pendidikan guru. Guru berperanan untuk menukar kurikulum yang dirancang kepada pengalaman yang dapat

merangsangkan pelajar. Oleh itu, pendidikan guru haruslah berupaya melengkapkan guru dengan berbagai ilmu yang diperlukan. Kualiti pendidikan guru secara keseluruhan di sekolah-sekolah dapat dipertingkatkan dengan meningkatkan kualiti dan keterampilan guru-guru pelatih di peringkat maktab lagi. Hasrat ini boleh menjadi kenyataan dengan bantuan penyelidikan.

Mengikut senario budaya pendidikan guru bahawa rancangan pendidikan guru hendaklah dinilai secara berterusan agar usaha memperbaikinya dapat dilakukan dengan segera. Rancangan susulan dan maklumat hendaklah dirangka untuk memaparkan kekuatan dan kelemahan guru-guru pelatih dan seterusnya memberi kesedaran untuk memperbaiki sukatan pendidikan guru.

Pendidikan dan latihan yang diterima di maktab perguruan akan menentukan keupayaan guru untuk menjadi tenaga pengajar yang produktif atau sebaliknya. Justeru, pendidikan guru memerlukan bukan sahaja aspek yang diajar tetapi lebih penting ialah bagaimana mereka akan mengajar. Tegasnya, keberkesanan pengajaran guru hari ini akan mempengaruhi kualiti manusia yang akan mewarisi negara ini dan sekali gus akan menentukan pencapaian matlamat wawasan negara.

Pendidikan perguruan tidak boleh mengasingkan diri daripada arus perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang dialami oleh negara. Pada dekad-dekad tertentu yang lalu kerajaan telah melaksanakan rancangan

pendidikan guru yang bertujuan untuk menambahkan kualiti dan kuantiti guru-guru pelatih yang diambil. Perubahan-perubahan tersebut adalah merupakan asas utama untuk penulis meninjau kembali dan membuat interpretasi tentang sejarah perkembangan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam program pendidikan guru di negara ini.

Kajian ini diharap akan merakamkan dengan lebih teliti untuk membawa satu kenangan dan sejarah yang lebih tepat mengenai perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru di Malaysia sepanjang tempoh kajian.

1.5. Objektif Kajian

Penulisan berkaitan perkembangan dan perubahan pendidikan guru di Malaysia begitu kurang sekali. Setakat ini kebanyakan kajian ditulis secara ringkas dalam penulisan tentang perkembangan pendidikan di Malaysia secara keseluruhan. Dengan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melengkapkan lagi kajian-kajian yang terdahulu. Oleh itu, objektif kajian secara amnya adalah bertujuan untuk melihat perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu pendidikan dalam pendidikan guru sekolah menengah. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

- a). Mengkaji bagaimana pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru maktab perguruan menengah di Malaysia diperkenalkan.

b). Meneliti perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sekolah menengah.

c). Mengkaji pelaksanaan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sepanjang tempoh kajian sebagaimana cadangan Bahagian Pendidikan Guru.

Kurikulum pendidikan guru dan kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru berubah selaras dengan perubahan rancangan pendidikan guru. Oleh itu, kajian ini berhasrat memaparkan perkembangan dan perubahan tersebut agar kajian ini dapat dijadikan panduan dalam menggubal kurikulum pendidikan guru khususnya kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru.

1.6. Persoalan Kajian

Bersesuaian dengan tajuk latihan ilmiah ini, iaitu Pendidikan Guru di Malaysia: Perkembangan dan Perubahan Kurikulum Ilmu Pendidikan di Maktab Perguruan, Tahun 1957 Hingga 1986, kajian ini ingin mengenal pasti beberapa persoalan berikut:

a). Bagaimanakah cara Bahagian Pendidikan Guru memperkenalkan sesuatu rancangan pendidikan guru sekolah menengah di Malaysia?

- b). Sejauhmanakah berlaku perkembangan pendidikan guru dan apakah perubahan-perubahan yang berlaku dalam pendidikan guru?
- c). Sejauhmanakah berlaku perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru dan apakah perubahan-perubahan yang berlaku dalam kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru?
- d). Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru dilaksanakan sebagaimana yang dicadangkan oleh Bahagian Pendidikan Guru?
- e). Apakah kelemahan yang terdapat dalam kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sepanjang tempoh kajian?

Persoalan pokok kajian dibahagikan kepada beberapa aspek. Pertama, penulisan ini meninjau sejarah perkembangan pendidikan guru sekolah menengah di Malaysia. Kajian tertumpu kepada pengenalan, perkembangan dan perubahan pendidikan guru *General Purpose Colleges*, Latihan Perguruan Berpadu, Latihan Perguruan Bersepadu dan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun. Asas perbincangan ialah sebab-sebab diperkenalkan pendidikan guru, struktur pendidikan guru dan juga kurikulum pendidikan guru yang dikaji.

Kedua, penulisan ini berhasrat untuk mengenal pasti perkembangan dan perubahan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru yang dikaji.

Persoalan kajian ialah sebab-sebab diperkenalkan kurikulum Ilmu Pendidikan, kandungan kurikulum Ilmu Pendidikan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus Ilmu Pendidikan dan peruntukan waktu kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru yang dikaji.

Kajian ini juga melihat kelemahan yang terdapat dalam kurikulum Ilmu Pendidikan. Persoalan kajian ialah mengapa pengajaran dan pembelajaran kurikulum Ilmu Pendidikan kurang menarik minat guru pelatih? Berikutan pendidikan guru di Malaysia dilaksanakan secara berpusat iaitu di bawah Bahagian Pendidikan Guru, kajian ini bertujuan melihat peranan yang dimainkan oleh bahagian tersebut dalam melahirkan guru-guru yang mengajar di sekolah menengah.

1.7. Fokus Kajian

Bersesuaian dengan tajuk tesis, 'Pendidikan Guru di Malaysia: Perkembangan dan Perubahan Kurikulum Ilmu Pendidikan di Maktab Perguruan, Tahun 1957 Hingga 1986,' fokus tesis ini ialah untuk menghuraikan mengapa dan bagaimana perkembangan inovasi/perubahan dalam pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam program pendidikan guru sekolah menengah di Malaysia, diperkenalkan?

Perkembangan pendidikan guru selepas merdeka menjadi persoalan pokok kepada kajian ini. Laporan Razak tahun 1956 yang dianggap *milestone in*

the country's educational development, telah menjadikan pendidikan guru sebagai satu mekanisma penting dengan membahagikan pendidikan guru kepada dua bahagian, iaitu pendidikan guru-guru sekolah rendah dan pendidikan guru-guru sekolah menengah (*Report of the Education Committee, 1956: 18 & 19*). Berdasarkan kepada perspektif ini, fokus kajian dilakukan terhadap usaha meneroka sebab berlakunya perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru sekolah menengah sejak merdeka hingga tahun 1986.

Selain itu, fokus kajian juga turut ditumpukan terhadap Laporan Rahman Talib tahun 1960. Laporan tersebut telah membuat beberapa syor baru bertujuan meneguhkan lagi pelaksanaan perjalanan syor-syor dalam Laporan Razak (1956). Analisis secara komprehensif akan dibuat terhadap beberapa cadangan dalam Laporan Abdul Rahman Talib (1960) yang memberi implikasi kepada pendidikan guru dan perkembangan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru di maktab perguruan menengah (*Report of the Education Review Committee, 1960*).

Kajian juga meninjau usaha berterusan pihak kerajaan memperbaiki kualiti pendidikan guru sesuai dengan perkembangan semasa negara. Analisis terperinci dan komprehensif akan dilakukan terhadap hubungan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru dengan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) dan Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Selain itu,

kajian juga tertumpu kepada Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu dengan memberi tumpuan kepada komponen ikhtisas yang menitikberatkan penguasaan kemahiran-kemahiran pengajaran bertujuan menghasilkan guru-guru yang sedar akan aspirasi ideologi negara dan objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Kajian juga memberi fokus terhadap pendidikan guru dan perkembangan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru selepas pelaksanaan Laporan Kabinet tahun 1979. Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu telah digantikan dengan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1980). Seterusnya, analisa akan dilakukan terhadap pendidikan guru dan perkembangan serta perubahan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru yang meliputi perkembangan profesionalisma pada tahun 1980-an sehingga tahun 1986.

Akhir sekali, pembentangan hasil penyelidikan kajian ini akan dihuraikan secara kronologi. Hal ini bertujuan agar setiap perkembangan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru dapat dipaparkan dengan jelas. Selain daripada itu, kaedah ini juga memudahkan kefahaman tentang perkaitan antara setiap perubahan pendidikan guru dan kurikulum Ilmu Pendidikan dengan perkembangan semasa yang berlaku di tanah air.

1.8. Batasan Kajian

Pelaksanaan kursus Ilmu Pendidikan di maktab-maktab perguruan telah diadakan seiring dengan program pendidikan guru peringkat sekolah menengah. Justeru, tumpuan kajian ini adalah terhadap perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan di maktab-maktab perguruan yang menghasilkan guru-guru untuk mengajar di sekolah menengah. Oleh sebab itu, kajian ini memberi tumpuan kepada empat program pendidikan guru sekolah menengah, iaitu General Purpose Colleges (1954-1964), Rancangan Latihan Perguruan Berpadu (1964-1971), Rancangan Latihan Perguruan Bersepadu (1972-1981) dan Kursus Perguruan Asas Tiga Tahun (1982-1986).

Pengkajian terhadap perkembangan pendidikan guru dan kurikulum kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru dihadkan sehingga tahun 1986. Hal ini adalah bertujuan menyempitkan skop kajian sahaja. Selain itu, tahun 1986 adalah tahun terakhir pendidikan guru menggunakan sistem penggal apabila ia digantikan dengan sistem semester sepenuhnya.

Kajian ini bukan satu usaha untuk membandingkan kepelbagaian cara pelaksanaan kursus Ilmu Pendidikan di maktab-maktab perguruan menengah. Kajian ini adalah satu usaha melihat perkembangan dan perubahan pendidikan guru dan kursus Ilmu Pendidikan dalam pendidikan guru di maktab-maktab perguruan menengah sepanjang tempuh kajian.

Kajian ini juga bukan bertujuan untuk menganalisa secara terperinci tentang pelaksanaan kursus Ilmu Pendidikan di semua maktab perguruan menengah. Hal ini berikutan dasar dan polisi pendidikan di seluruh maktab perguruan di pusatkan, iaitu dirancang dan digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, kajian ini ingin melihat perkembangan pendidikan guru dan kursus Ilmu Pendidikan serta hubungannya dengan perkembangan polisi kerajaan sepanjang tempoh kajian.

1.9. Definisi Istilah

1.9.1. Latihan Perguruan

Latihan Perguruan adalah perkataan yang diguna sebelum ianya digantikan dengan pendidikan guru pada tahun 1981. Latihan membawa maksud didikan untuk menjadikan seseorang itu mahir. Manakala perguruan pula ialah satu proses untuk menjadi guru (Awang Had, 1996). Guru yang dimaksudkan ialah guru yang tugasnya ialah mengajar secara formal di sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas bantuan kerajaan. Gabungan dua perkataan tersebut membentuk 'latihan perguruan' yang membawa maksud proses pendidikan untuk melahirkan guru-guru yang berkemahiran. Manakala pendidikan guru pada dasarnya adalah satu jangka masa untuk bersuai kenal dengan fikiran dan pendapat tentang pendidikan. Kebiasaanya ia dianggap sebagai satu jangka masa untuk mempelajari teknik mengajar (Farrant, 1977: XV).